

Pakatan Hap Seng, TTDI KL Metropolis majukan tanah

Hap Seng Land Development Sdn Bhd memeterai perjanjian dengan TTDI KL Metropolis bagi membentuk syarikat usaha sama untuk membangunkan tanah seluas 3.62 hektar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM3.8 bilion dalam pelan induk KL Metropolis.

Hap Seng Land Development, anak syarikat milik penuhnya, Hap Seng Consolidated Bhd memegang 70 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama itu, Golden Suncity Sdn Bhd, manakala TTDI KL Metropolis, anak syarikat milik penuh Naza TTDI Sdn Bhd, memegang baki 30 peratus.

Di bawah perjanjian hak pembangunan, Golden Suncity diberi hak eksklusif untuk membangunkan tanah berkenaan yang merangkumi hak mereka bentuk, pembangun, membina dan melengkapkan pembangunan komersial bercampur yang dicadangkan.

Naza TTDI adalah pemaju induk untuk pembangunan bercampur ikonik seluas 30.6 hektar yang dijangka menjadi Bandar Perdagangan Antarabangsa dan Pameran di Kuala Lumpur.

Kerjasama strategik

Pengarah Urusan Kumpulan Hap Seng, Datuk Edward Lee, berkata perkongsi-

an itu bukan sahaja peluang kepada kumpulan untuk mengukuhkan kehadiran dalam sektor pembangunan hartaanah di Lembah Klang, tetapi ia juga kerjasama strategik antara dua konglomerat.

Katanya, ia akan menjadi pemangkin kepada transformasi pelan induk KL Metropolis.

“Sebagai sebahagian pembangunan ikonik ini, ia pasti akan membantu meningkatkan jenama Kumpulan Hap Seng dan mengukuhkan cabang hartaanah kami sebagai pemaju hartaanah terulung di Malaysia,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Timbalan Pengurus Eksekutif yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin pula berkata, usaha sama itu mencerminkan komitmen kumpulan untuk mempercepatkan transformasi dan membentuk semula industri Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE).

Katanya, ia dilaksanakan dengan menjemput rakan pembangunan untuk melengkapkan komponen bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi MICE terulung di rantau ini.

“Kita berharap dengan penyertaan Hap Seng Land, ia akan memberi sumbangan besar ke arah menjadikan KL Metropolis sebagai pembangunan lestari yang menggabungkan prinsip pertumbuhan pintar, bandar dan bangunan hijau,” katanya.

FAKTA NOMBOR

3.62

hektar

Keluasan tanah

RM3.8

bilion

Nilai pembangunan kasar